| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | **Pusat Konvensyen KL bantu FRIM tambah pokok** | | |
| Date | **19 Mar 2010** | Language | **Malay** |
| MediaTitle | **Utusan Malaysia** | Page No | **K4** |
| Section | **Supplement** | Article Size | **159 cm$^2$** |
| Journalist | **N/A** | Color | **Full Color** |
| Frequency | **Daily** | ADValue | **3,143** |
| Circ / Read | **238,082 / 833,287** | PRValue | **9,428** |






PETER Brokenshire (baju hitam, tengah) bersama warga pusat Konvensyen KL selepas menanam pokok di FRIM, Kepong, baru-baru ini.

# Pusat Konvensyen KL bantu FRIM tambah pokok

KUALA LUMPUR – Diketuai oleh Pengurus Besar, Datuk Peter Brokenshire pasukan Pusat Konvensyen Kuala Lumpur meraikan usaha mereka menanam 80 batang pokok di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong.

Projek ini dibiayai daripada wang yang sepatutnya dibelanjakan bagi membeli hadiah untuk tetamu jemputan yang menghadiri Majlis Jamuan Koktel Menghargai Pelanggan sempena memperingati ulang tahun kelima Pusat Konvensyen yang dianjurkan awal tahun ini.

"Sebaliknya, kami mengambil keputusan menyalurkan wang ini untuk memulihara alam sekitar dengan menunaikan komitmen kami kepada pemuliharaan dan pembangunan dalam konteks kerja kami," jelas Brokenshire.

Menurutnya lagi, ini adalah langkah pertama dalam inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang akan diteruskan dengan pelbagai aktiviti pada masa depan.